

Bah di Terengganu semakin pulih

Kuala Terengganu: Banjir di Terengganu semakin pulih apabila hanya 41 mangsa daripada lapan keluarga masih berada di dua pusat pemindahan, masing-masing di Hulu Terengganu dan Setiu.

Setakat jam 6.30 petang semalam, 20 mangsa daripada empat keluarga ditempatkan di Dewan Sivik Batu 24, Hulu Terengganu, manakala di Setiu, 21 mangsa daripada empat keluarga ditempatkan di Surau Kampung Nyatoh.

Cuaca bertambah baik

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri, berkata cuaca yang bertambah baik sejak tengah hari semalam membolehkan mangsa yang tinggal di beberapa pusat pemindahan di Kemaman, Setiu dan Dungun pulang ke rumah masing-masing.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, berkata satu jalan dinaiki air sedalam 0.3 meter dan ditutup kepada kenderaan ringan iaitu Jalan Chukai-Air Putih di Kampung Sungai Pinang, Kemaman.

Keadaan banjir yang beransur pulih juga membolehkan 27 daripada 31 sekolah yang terpaksa ditutup kerana dinaiki air serta menjadi pusat pemindahan banjir, memulakan sesi persekolahan semalam.

4 sekolah ditutup

Pengarah Jabatan Pelajaran negeri, Zakaria Hussin, berkata sehingga semalam, hanya empat sekolah masih ditutup membabitkan tiga sekolah rendah dan satu sekolah menengah.



Mangsa banjir terpaksa membuat **titi gantung** ke daratan selepas rumahnya ditenggelami air.
[FOTO FATHIL ASRI/BH]

Katanya, sekolah belum dibuka adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Taduk, SK Ampuan Intan dan Sekolah Menengah Agama (SMA) Mahmudiah di Hulu Terengganu dan SK Las di Setiu dengan jumlah keseluruhan pelajar ter-

jejas seramai 1,790 orang.

"Kita menjangka empat sekolah itu dapat memulakan sesi persekolahan seperti biasa esok (hari ini) kerana air sudah surut dan kerja pembersihan di situ pun sudah dilakukan," katanya.